

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PROGRAM PEMBENTUKAN KARAKTER PERKUKUH
PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN NILAI MURNI MURID**

Program Pembentukan Karakter adalah salah satu inisiatif utama dalam Kurikulum Persekolahan 2027 bertujuan untuk membentuk individu yang bersahsiah unggul, beradab dan bertanggungjawab. Ia merupakan satu anjakan strategik bertujuan memperkukuh pembangunan sahsiah dan nilai murni dalam kalangan murid secara berstruktur dan menyeluruh.

Pada peringkat prasekolah, ia akan dilaksanakan secara bersepadu menerusi aktiviti harian pembelajaran. Manakala bagi peringkat sekolah rendah dan menengah pula, peruntukan masa khusus selama 60 minit seminggu akan disediakan dalam jadual waktu persekolahan untuk membolehkan aktiviti pembentukan karakter dilaksanakan secara terancang dan berfokus.

Program ini menekankan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan kepada aktiviti yang memberi tumpuan kepada penghayatan nilai, tingkah laku positif, serta penerapan adab dan akhlak dalam konteks kehidupan seharian murid.

Ia adalah cerminan komitmen Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melahirkan generasi yang holistik dalam aspek akademik, sahsiah dan jati diri.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
17 OKTOBER 2025**